

Rumpai laut dihasilkan penyelidik UMS kini dikomersilkan

NST 11-03-2012 5

KOTA KINABALU: Teknologi pengurusan dan penanaman rumpai laut yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini dikomersilkan bagi meningkatkan industri pengeluaran rumpai laut di negeri ini.

Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Bersekutu Dr. Rasid Mail berkata, antara teknologi baru penanaman rumpai laut yang dihasilkan itu ialah Eco-Friendly Tie-Tie (tali pengikat rumpai laut), Baja Rumpai Laut, Meja Pengikat Bibit dan Anchor yang telah dihasilkan oleh Prof. Madya Dr. Suhaimi Mohd Yasir dan kumpulan penyelidik dari Sekolah Sains dan Teknologi UMS.

"Produk yang dihasilkan itu adalah berkaitan dengan cara baru untuk menanam rumpai

laut dalam bentuk yang lebih cekap, penghasilan yang lebih produktif dan lebih berkualiti, selain memenuhi perlindungan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis Anugerah Penyelidikan UMS Tahun 2011, di Grand Ballroom, Le Meridien, di sini, pada malam Jumaat.

Pada majlis itu tiga syarikat iaitu Green Leaf Synergy Sdn Bhd, VC United Sdn.Bhd dan Sebangkat Reef Eco Plants Sdn. Bhd menandatangani Dokumen Perjanjian Perlesenan bagi pengkomersilan produk R&D UMS iaitu penggunaan teknologi penanaman rumpai laut.

Dr. Rasid berkata, industri rumpai laut yang kini berkembang pesat di dunia amat berpotensi untuk dipasarkan.

"Pengeluar terbesar rumpai laut di dunia ialah Indonesia, Malaysia dan Filipina dan kita dapati bahawa kualiti rumpai laut yang dikeluarkan antara negara ini, Malaysia dikatakan yang terbaik.

"Di Malaysia, hanya Semporna sahaja yang boleh mengeluarkan rumpai laut, sebab itu kerajaan menjadikannya sebagai salah satu komoditi yang diberi tumpuan di bawah Program PEMANDU, yang mana UMS diberi tanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif Entry Point Project 3 (EPP3) Sistem Estet Mini Rumpai Laut," katanya.

Katanya lagi, penanaman rumpai laut di Semporna juga semakin meluas melalui penanaman secara individu atau syarikat.

Beliau berkata, dari segi nilai pasaran, rumpai laut yang dipasarkan di Semporna pada masa ini

sekitar RM2.80 hingga RM5 sekilogram tetapi bagi pasaran luar seperti Filipina ia boleh mencecah sehingga RM15 sekilo.

Sementara itu, Pengarah Green Leaf Synergy Sdn Bhd, Ramlan Ali berkata, pihaknya akan mengkomersilkan produk yang dihasilkan oleh penyelidik UMS untuk digunakan dalam industri penanaman rumpai laut.

"Sebelum ini penanaman rumpai laut di Sabah masih konvensional dan untuk memenuhi permintaan negara, rekabentuk pengurusan ladang rumpai laut perlu diubah daripada konvensional kepada lebih komersil.

"Sebab itu, teknologi yang dihasilkan oleh penyelidik UMS dalam industri penanaman rumpai laut lebih mudah kerana penggunaan tenaga buruh yang rendah selain dapat melindungi alam sekitar," katanya. - - **OLEH MARRYAN RAZAN**